

# **SEJARAH MASYARAKAT RUNGUS DI KUDAT, SABAH (1881- 1963).**



**LEANDRA JEKHIRI PIUS**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**SEJARAH MASYARAKAT RUNGUS DI KUDAT,  
SABAH (1881- 1963).**

**LEANDRA JEKHIRI PIUS**



**UMS**


**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA MUDA (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya saya sendiri jelaskan sumbernya.

10 Jun 2022



LEANDRA JEKHIRI PIUS



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **LEANDRA JEKHIRI PIUS**  
NO. MATRIKS : **BA19110926**  
TAJUK :  
                  **SEJARAH MASYARAKAT RUNGUS DI KUDAT (1988-1963)**  
IJAZAH : **SARJANA MUDA**  
BIDANG : **SEJARAH**



DIPERAKUI OLEH

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ismail Ali".

**PROF. DR. ISMAIL ALI**  
Pensyarah  
Fakulti Kemanusiaan Seni & Warisan  
Universiti Malaysia Sabah

.....  
**Tandatangan & Cop**

**Tarikh: 19 Ogos 2022**

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kurniaan dan rahmat darinya, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini. Kajian ini bertajuk 'Sejarah Masyarakat Rungus di Kudat (1988-1963). Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat kerana telah banyak membantu saya menyelesaikan kajian ini. Saya mengucapkan segulung terima kasih kepada Dr Ismail Ali selaku penyelia utama saya dalam kajian ini kerana banyak memberi dorongan, bimbingan dan juga tunjuk ajar kepada saya dalam kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada para pensyarah program sejarah Universiti Malaysia Sabah yang banyak memberi tunjuk ajar serta ilmu kepada saya sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah. Tidak juga saya lupakan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang juga banyak membantu dalam memberi sokongan idea dan pendapat sama ada dalam sesi pembelajaran dan juga dalam menyiapkan kajian ini.

Ucapan yang sangat istimewa kepada keluarga saya terutama sekali kepada bapa saya Jekhiri Pius Mogunjin dan ibu saya Javianah Binti Muslim kerana banyak memberikan dorongan dan bimbingan kepada saya selama ini. Selain itu Ucapan terima kasih saya kepada adik beradik saya iaitu Iven Jekhiri Pius, Ilen Jekhiri Pius, Izer Jekhiri dan Listra Jekhiri Pius juga turut membantu dalam hal-hal teknikal. Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Semoga usaha ini dapat memberi manfaat kepada semua di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

**LEANDRA JEKHIRI PIUS**  
BA19110926

## **ABSTRAK**


Kajian berbentuk ilmiah ini adalah berkaitan dengan Masyarakat Rungus di Kudat (1881-1963). Rungus merupakan masyarakat yang tinggal di Sabah dan salah satu etnik yang unik di Sabah. Majoriti masyarakat Rungus tinggal di daerah Kudat, Pulau Banggi dan Pitas. Keunikan masyarakat Rungus dari segi kepercayaan, kebudayaan, Bahasa, pakaian dan asal-usul tidak dapat dinafikan. Masyarakat Rungus sememangnya mempunyai keunikan yang berbeza dengan suku kaum yang lain. Namun keunikan ini masih tidak cukup apabila masih ada segelintir masyarakat luar yang masih tidak mengenali masyarakat ini. Keadaan ini lebih teruk apabila orang luar yang masuk ke daerah Kudat tidak mengenali suku kaum etnik ini. Oleh itu kajian ini memfokuskan tentang mengenalpasti sejarah asal-usul masyarakat Rungus di Kudat. Pada masa yang sama kajian ini untuk mengetahui aspek hal ehwal kebudayaan dan kepercayaan, yang mana Adat istiadat merupakan salah satu aturan hidup yang boleh menjadikan sesebuah masyarakat itu tahu akan kesalahan serta hukum yang dilakukan. Seterusnya kajian ini juga akan mengkaji tentang perubahan yang berlaku kepada masyarakat Rungus dalam bidang sosioekonomi masyarakat Rungus.

**Kata Kunci :** Masyarakat Rungus, Asal-Usul, Kebudayaan dan Kepercayaan, Sosioekonomi

## **ABSTRACT**

### **HISTORY OF THE RUNGUS COMMUNITY IN KUDAT (1881- 1963)**

*This scientific study is related to the Rungus Community in Kudat (1988-1963). Rungus are a community living in Sabah and one of the unique ethnic groups in Sabah. The majority of Rungus people live in Kudat, Pulau Banggi and Pitas. The uniqueness of the Rungus community in terms of beliefs, culture, language, clothing and origins cannot be denied. The Rungus community indeed has a uniqueness that is different from other tribes. But this uniqueness is still not enough when there are still a few outside communities who still do not know this community. This situation is worse when outsiders who enter the Kudat district do not recognize this ethnic group. Therefore this study focuses on identifying the history of the origins of the Rungus community in Kudat. At the same time, this study is to find out aspects of cultural affairs and beliefs, where Customs is one of the rules of life that can make a society aware of wrongdoing and the law. Next, this study will also examine the changes that happened to the Rungus community in the socioeconomic field of the Rungus community.*



*Keywords:* Rungus society, Origins, Culture and Beliefs, Socioeconomic.

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
PENGAKUAN	II
PENGESAHAN	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
<i>ABSTRACT</i>	VI
SENARAI FOTO	IX
SENARAI LAMPIRAN	X
BAB 1 PENDAHULUAN	2
1.1 Pengenalan	2
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Sorotan Leteratur	5
1.7 Kaedah Kajian	7
1.8 Skop Kajian	8
1.9 Pembahagian Bab	8
1.10 Kesimpulan	9
BAB 2 SEJARAH ASAL USUL	1
2.1 Pengenalan	1
2.2 Sejarah Asal-Usul Rungus	15
2.3 Identiti Masyarakat Rungus	17
2.4 Migrasi Masyarakat Rungus	19
2.5 Penglibatan Suku Kaum Rungus dalam Pentadbiran di Daerah Kudat.	20
2.6 Kesimpulan	21
BAB 3 KEBUDAYAAN DAN KEPERCAYAAN	11
3.1 Pengenalan	11
3.2 Adat Istiadat Rungus	24
3.2.1 Adat Kematian	24
3.2.2 Adat Kematian Suami Isteri	25
3.2.3 Hukum Adat Korivaan atau Korungkapan	26
3.2.4 Adat Perkahwinan	27

3.3 Hukum Adat	29
3.3.1 Hukum adat lapu	29
3.3.2 Hukum Adat bagi Anak Melawan Ibu Bapa	29
3.3.3 Hukum Adat bagi Menyumpah Orang Lain	30
3.2.4 Hukum Adat bagi Perbuatan Mencuri	31
3.2.5 Hukum Adat Perbuatan Sumbang.	31
3.4 Kepercayaan dan Agama	33
3.4.1 Animisme/Labus	33
3.4.2 Kristian	34
3.4.3 Islam	35
3.5 Kesimpulan	36
BAB 4 PERUBAHAN SOSIOEKONOMI	33
4.1 Pengenalan	33
4.2 Ekonomi Berasaskan Pertanian	38
4.2.1 Perusahaan Padi	38
4.2.2 Perusahaan Jagung	40
4.2.3 Perusahaan Getah	41
4.2.4 Perusahaan Kelapa Sawit	43
4.2.5 Perusahaan Kelapa	44
4.2.6 Industri Lebah Madu	45
4.3 Industri Gong	46
4.4 Perusahaan Manik dan Kraf Tangan	48
4.5 Kesimpulan	49
BAB 5 RUMUSAN	50
SENARAI RUJUKAN	52

## **SENARAI FOTO**

		Halaman	
Foto 2.1	:	Perpaduan dalam Kepelbagaian	12
Foto 2.2	:	Bandar Kudat	14
Foto 2.3	:	Peta Lokasi	15
Foto 4.1	:	Perusahaan Padi	38
Foto 4.2	:	Tanaman Jagung	40
Foto 4.3	:	Menoreh Getah	41
Foto 4.4	:	Perusahaan Kelapa Sawit	43
Foto 4.5	:	Perusahaan Kelapa	44
Foto 4.6	:	Produksi 800 Ton Madu	45
Foto 4.7	:	Pembuatan Gong	46
Foto 4.9	:	Perusahaan Seni Kraftangan	48



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A : Peta Daerah Kudat	55
Lampiran B : Kepercayaan Purba Momogun Rungus	56
Lampiran C : Perkahwinan Suku Kaum Rungus	57
Lampiran D : Wanita Rungus Warisi Seni Tenunan Kain	58
Lampiran E : Seni Pembuatan Gong	59
Lampiran F : Rungus From Kudat	60



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sabah merupakan negeri kedua terbesar dalam negara Malaysia. Dengan luas serta besarnya negeri ini membuktikan bahawa masyarakat yang tinggal di dalam negeri ini tidaklah kecil. Bilangan penduduk di sesebuah negeri atau negara yang ramai boleh mempengaruhi kepelbagaian etnik, justeru itu Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai penduduk yang agak ramai dan mempunyai kepelbagaian etnik yang berbeza-beza. Sabah terkenal dengan kepelbagaian etnik dan kepelbagaian ini menjadikan Sabah sebagai negeri yang unik dan menarik. Dianggarkan bahawa terdapat 34 sub-etnik yang terdapat di negeri Sabah. 34 sub etnik ini terdiri daripada Dusun, Kadazan, Baju, Murut dan lain-lain lagi. Selain itu etnik Rungus juga antara etnik yang termasuk dalam 34 sub-etnik yang terdapat di negeri Sabah.

Masyarakat bermaksud kumpulan manusia yang hidup bersama di suatu tempat dengan aturan dan cara tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Biasanya hubungan dan interaksi yang terjalin dilakukan secara teratur atau berstruktur. Misalnya dengan adanya kelompok sosial setiap individu dapat saling berinteraksi dan membantu sama lain.<sup>1</sup> Setiap kelompok masyarakat sudah pasti memiliki sebuah struktur sosialnya. Adanya struktur sosial tersebut akan memudahkan integrasi sosial. Sehingga, hal ini dapat menghasilkan pola masyarakat yang memiliki keserasian fungsi. Justeru itu, masyarakat Rungus juga mempunyai satu pola masyarakat yang memiliki keserasian antara satu sama lain. Hal ini dapat dapat dilihat melalui struktur masyarakat Rungus yang mempunyai perbezaan etnik-etnik kecil namun mereka tetap hidup bersama dalam satu kawasan yang sama.

---

<sup>1</sup> Merdeka.Com, Mengenal pengertian Masyarakat serta Fungsinya perlu diketahui, 2021, dalam <https://www.merdeka.com/jateng/mengenal-pengertian-masyarakat-beserta-fungsinya-perlu-diketahui-kln.html>, diakses pada 19 Jun 2021.

Masyarakat Rungus dikenali sebagai Momogun yang merupakan satu kumpulan etnik yang tinggal di kawasan Kudat, Pitas, Kota Marudu dan termasuk juga kawasan Banggi. Namun pada umumnya majoriti masyarakat Rungus tinggal di kawasan Kudat. Daerah Kudat terletak di utara negeri Sabah iaitu kira-kira 190 kilometer dari Kota Kinabalu dan pernah menjadi ibu negeri bagi North Borneo (Sabah) dari 17 Disember 1881 hingga 1884. Nama Kudat berasal daripada dua legenda tempatan di mana "Kutad" yang bermaksud "rumput Lalang" pada suku kaum awal di daerah itu. Seterusnya legenda kedua adalah daripada suku kaum Bidaan iaitu "Takudad Aku" di mana perkataan ini membawa maksud "Terkejut aku".

Etnik Rungus tersenarai dalam perlembagaan persatuan kebudayaan Kadazan Dusun. Hal ini kerana, terdapat banyak persamaan dari segi bahasa, budaya dan kepercayaan antara etnik Rungus dengan etnik Kadazan Dusun yang lain. Akan tetapi walaupun persamaan ini dilihat sama namun terdapat juga perbezaan yang besar antara ketiga-tiga etnik ini. Dalam rumpun Momogun, Rungus terbahagi kepada beberapa jenis Rungus, seperti Rungus Lingkabau, Nulu, Gonsomon, Sindapak, Garo Maringang dan banyak lagi etnik kecil Rungus. Selain itu Etnik Rungus juga terkenal dari segi pakaian, adat dan pantang larang yang boleh menjadikan bangsa mereka ini lebih dikenali oleh masyarakat dunia.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Sabah suda mencapai kemerdekaannya, namun Masyarakat Rungus di Kudat masih kurang dikenali di beberapa tempat ataupun daerah. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Rungus kurang dikenali dan ramai juga kurang memahami tentang kewujudan masyarakat Rungus yang sepatutnya difahami dan termasuk dalam 34 sub etnik di Sabah. Walaupun masyarakat Rungus ini agak besar dan berada di Utara Sabah namun kajian terhadapnya kurang berbanding dengan Kadazan, Dusun dan etnik yang lain. Bukan itu sahaja masyarakat Rungus juga masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sub-etnik yang lain, keadaan ini dapat dilihat dari segi penglibatan masyarakat Rungus dalam sektor ekonomi, politik dan perkembangan masyarakat Rungus itu sendiri. Disebabkan Kurangnya kefahaman berkaitan dengan masyarakat Rungus, ini menjadikan etnik Rungus kurang dikenali dan akan terpinggir sekiranya segelintir masyarakat kurang

memahami dan mengambil tahu tentang kewujudan serta keberadaan masyarakat Rungus Kudat.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Persoalan pertama adalah bagaimanakah sejarah asal-usul masyarakat Rungus di Kudat. Terdapat banyak andaian berkaitan dengan asal-usul etnik Rungus. Andaian-andaian tersebut menjadi salah satu tanda tanya di kepala masyarakat Rungus kini tentang daripada manakah asal-usul mereka yang sebenar. Hal ini berlaku apabila masyarakat Rungus pada masa kini kurang mengambil tahu tentang asal-usul etnik sendiri. Selain itu, Disebabkan kurangnya penulisan berkaitan dengan sejarah masyarakat Rungus di Kudat, keadaan ini menjadi satu cabaran bagi generasi muda masyarakat Rungus untuk mengetahui sejarah mereka sendiri yang mana sejarah asal-usul masyarakat ini perlu dipelajari oleh mereka sendiri. Selain itu generasi masa kini kurang peduli akan sejarah asal usul Rungus yang sebenarnya penting untuk diketahui ramai.

Sejauh Manakah adat dan kepercayaan masyarakat Rungus dijalankan dan diterapkan dalam kehidupan masyarakat Rungus pada masa ini. Rungus merupakan etnik yang amat unik dan mempunyai adat istiadat yang berbeza dengan kaum yang lain. Walaupun dikatakan bahawa Rungus hampir sama bahasanya dengan Dusun, namun adat istiadat yang diamalkan mempunyai perbezaan yang tersendiri. Penerapan adat dan kepercayaan masyarakat Rungus pada generasi kini amat penting, lebih-lebih lagi pengaruh media massa masa kini tidak terbatas. Oleh itu penerapan adat serta kepercayaan masyarakat Rungus amat penting bagi membentuk akhlak serta moral setiap individu.

Persoalan yang kedua adalah apakah berlaku perubahan dalam sosioekonomi dalam kalangan masyarakat Rungus pada tahun 1881 sehingga 1963. perubahan yang berlaku dalam bidang sosioekonomi dapat membuktikan bahawa masyarakat Rungus juga salah satu masyarakat yang mampu berdaya saing dengan kaum lain. Oleh itu melalui kajian yang dilakukan dapat membuktikan perubahan yang berlaku di kalangan masyarakat Rungus dalam bidang sosioekonomi dalam sesuatu pentadbiran di kawasan mereka atau kawasan lain.

## **1.4 Objektif Kajian**

Objektif pertama kajian adalah bagi mengenalpasti sejarah asal-usul masyarakat Rungus di Kudat. Kajian ini dibincangkan dari sudut asal-usul masyarakat Rungus, identiti, migrasi dan kekuasaan masyarakat Rungus di kawasan Kudat. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui lebih terperinci tentang asal-usul Masyarakat Rungus, melalui kajian yang dibincangkan.

Objektif yang seterusnya adalah ingin mengetahui aspek kebudayaan dan kepercayaan. Adat istiadat merupakan salah satu aturan hidup yang boleh menjadikan sesebuah masyarakat itu tahu akan kesalahan serta hukum yang dilakukan. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin mengetahui bahawa adakah jenis-jenis adat yang perlu digunakan untuk kelakuan dan kesalahan tertentu yang boleh membawa kepada keharmonian serta kesejahteraan masyarakat Rungus. Bukan itu sahaja dengan adanya kepercayaan ini membantu masyarakat Rungus dalam menerapkan nilai-nilai moral, pantang larang dan kebaikan dalam kalangan masyarakat Rungus pada tahun 1881 sehingga 1963, walaupun pada tahun tersebut masyarakat Rungus suda mula berpegang kepada agama.

Objektif yang seterusnya adalah pengkaji ingin mengkaji tentang perubahan yang berlaku kepada masyarakat Rungus dalam bidang sosioekonomi masyarakat Rungus. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengetahui sejauh manakah tahap sosioekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Rungus. Bukan itu sahaja, pengkaji juga ingin mengetahui apakah jenis serta aktiviti kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Rungus di Kudat.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah bagi pengkaji-pengkaji akan datang yang ingin mengkaji tentang masyarakat Rungus di Kudat. Melalui kajian ini pengkaji akan datang boleh menggunakan kajian ini sebagai bahan rujukan bagi mengetahui lebih lanjut tentang sejarah asal usul masyarakat Rungus di Kudat. Selain itu kepentingan kajian ini adalah bagi memperbanyakkan lagi penulisan yang berkaitan dengan masyarakat tempatan, agar masyarakat Rungus serta masyarakat luar dapat mengetahui lebih dalam tentang adat istiadat yang sedia ada dan menghormati serta mempertahankan adat tersebut

sebaik yang mungkin. Kepentingan yang seterusnya adalah kepada generasi masa kini, kepentingan kajian ini kepada generasi masa kini agar mereka dapat mempelajari apakah berlaku perubahan dari segi sosial, ekonomi dan politik dalam kalangan masyarakat Rungus pada tahun 1881 sehingga 1963.

## 1.6 Sorotan Literatur

Dalam tema ini, pengkaji menggunakan karya oleh Joisin Romut, Denis J.Sading, Flora Iban (2013),<sup>2</sup> penulisan buku ini mengutarakan tentang etnik rungus atau juga dikenali sebagai “momogun Rungus” atau ‘momogun’ merupakan salah satu daripada etnik Bumiputera dari kumpulan etnik Momogun Rungus.<sup>3</sup> Buku ini telah menjelaskan tentang asal-usul masyarakat Rungus yang berada di Kudat. Selain itu buku ini juga membincangkan tempat dan sejarah masyarakat Rungus. Dalam buku ini istilah momogun dalam etnik Rungus juga ada dibincangkan bagi mengaitkan etnik Rungus dan momogun. Bukan itu sahaja buku ini menjelaskan tentang legenda Rungus dan asal usul nama etnik Rungus dengan cerita-cerita yang berkaitan dengan Rungus. Teori penghijrahan Rungus juga ada dibincangkan dalam buku ini namun hanya sedikit saja. Selain itu, penulisan oleh Low Kok On, Azlan Shafie Abdullah, Raymond Majumah (2014)<sup>4</sup> juga merupakan rujukan yang penting di mana rujukan ini menunjukkan teori kewujudan sebenar masyarakat Rungus.

Buku yang ditulis oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2018)<sup>5</sup>, buku ini terdapat Agama Bbiruhui, di mana dalam buku ini menjelaskan bahwa agama ini terdapat adat yang dijalankan dan dikaitkan dengan adat juga. Selain itu buku ini juga menjelaskan kepercayaan Animisme, di mana penjelasan ini juga menerangkan tentang upacara yang dijalankan dan terdapat adat yang dibincangkan berdasarkan kepercayaan masyarakat Rungus. Adat Resam dan pantang larang juga terdapat dalam buku ini, secara umumnya buku ini boleh digunakan oleh pengkaji untuk meneruskan penulisan.

<sup>2</sup> Joisin Romut, Denis J. Sading, Flora Iban, *Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Momogun Rungus*, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 2013, hlmn 77

<sup>3</sup> *ibid*

<sup>4</sup> Low Kok On, Azlan Shafie Abdullah, Raymond Majumah, *Bbahul dan Hubungannya dengan Kepercayaan Bbiruhui Etnik Rungus di Sabah*, 2014.

<sup>5</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*, My Era Cetak Sdn. Bhd, 2018

Karya yang ditulis oleh Siti Fariza Binti Mahfar, Human Juslin (2017)<sup>6</sup> juga menjelaskan tentang adat istiadat masyarakat Suku kaum Rungus. Dalam buku ini penulis banyak menjelaskan tentang adat serta pantang larang untuk perkahwinan. Di mana adat bagi perkahwinan juga diambil kira oleh pengkaji kerana adat perkahwinan termasuk dalam jenis-jenis adat istiadat masyarakat Rungus. di mana dalam karya ini ada juga menjelaskan tentang *sogit*. Di mana *sogit* bermaksud denda yang dikenakan oleh pesalah yang melakukan kesalahan yang berat. *Sogit* menjadi salah satu adat yang diamalkan oleh masyarakat Rungus bagi memberikan kesedaran kepada pesalah yang melakukan kesalahan berat mahupun ringan.

Kajian oleh Porodong Paul (1997)<sup>7</sup> menerangkan mengenai keadaan ekonomi masyarakat Rungus di Kudat. Buku ini adalah menerangkan tentang keadaan ekonomi serta perubahan yang berlaku dalam bidang ekonomi masyarakat Rungus. Selain itu buku ini adalah bagi memperkatakan masalah kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Rungus di Daerah Kudat.<sup>8</sup> Bukan itu sahaja buku Paul juga ada membincangkan tentang pertanian pindah, pertanian pindah merupakan satu kegiatan ekonomi yang masyarakat Rungus jalan sejak turun temurun. Selain itu buku Paul juga membincangkan tentang bagaimana perubahan masa dalam bidang ekonomi dan perkembangan pengaruh ekonomi pasaran dan meningkatnya keperluan wang dalam urusan sehari-hari.

Karya oleh Ong Puay Liu (2006)<sup>9</sup> dalam karya Ong, terdapat perbincangan berkaitan dengan rumah panjang yang mana dalam perbincangan ini juga terselit kehidupan masyarakat Rungus di Rumah panjang yang menunjukkan sosial masyarakat Rungus pada ketika itu. Karya Ong secara ringkasnya menunjukkan struktur Rumah panjang masyarakat Rungus di mana beliau juga telah memasukkan sosial masyarakat Rungus yang tinggal di Rumah panjang. Karya yang ditulis oleh Ong juga ada menggambarkan situasi sosial masyarakat Rungus semasa berada di Rumah panjang.

<sup>6</sup> Siti Fariza binti Mahfar, Humin Juslin, Reka Corak Dan Simbolisme Motif Pinakol Dalam Pakaian Masyarakat Rungus Di Sabah, Gendang alam, jilid 7, 2017

<sup>7</sup> Porodong Paul, *Kemiskinan di kalangan kaum Rungus di daerah Kudat, Sabah/Paul Porodong*. Masters thesis, Universiti Malaya, 1997.

<sup>8</sup> *ibid*

<sup>9</sup> Ong Puay Liu, Rumah Panjang Tradisi Rungus dalam Arus pembangunan: Perbezaan Pengertian, Akademika 68, 2006

Manakala penulisan daripada Romzi Ationg, Andreas Totu, Chelster S. Pudin, Raymond Majumah (2018)<sup>10</sup> hasil penulisan daripada ketiga-tiga penulis adalah membincangkan bahasa Rungus di kalangan belia. Dalam penulisan ketiga-tiga penulis ini terdapat beberapa fakta yang telah pengkaji temui bahawa melalui penggunaan bahasa Rungus yang kurang diterapkan membawa kepada perubahan sosial masyarakat Rungus, hal ini kerana bahasa Rungus bagi kalangan masyarakat amat penting dan dititik beratkan oleh ibu bapa. Namun akibat bahasa yang kurang digunakan telah membawa kepada perubahan sosial masyarakat Rungus terutama sekali apabila berlakunya perkahwinan campur dalam masyarakat Rungus yang melibatkan kaum lain berkahwin dengan kaum Rungus.

### **1.7 Kaedah Kajian**

Bagi menyelesaikan kajian ini, pengkaji menggunakan disiplin sejarah sebagai asas utama dalam penyelidikan. Pengkaji menggunakan kaedah kajian arkib, kajian arkib dilakukan di Arkib Negeri Sabah. Selain itu pengkaji juga turut menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang dilaksanakan di perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Kudat Sabah, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Kota Kinabalu untuk memperoleh sumber primer dan sekunder.

Dalam kajian ini, sumber primer amat terhad kerana sumber yang ada bersifat umum dan sukar untuk didapati buat masa ini. Oleh itu pengkaji lebih memilih untuk menggunakan sumber sekunder kerana sumber sekunder mudah untuk didapati. Penulisan kajian ini menggunakan pendekatan kritikal dan eksposisi untuk menganalisis data dengan bersandarkan kepada pendekatan sejarah sebagai asas utama penyelidikan. Pendekatan ini adalah bagi mengetahui serta mendedahkan peristiwa penting yang terjadi dalam masyarakat Rungus dalam aspek yang dikaji. Seterusnya pengkaji akan menyusun data dalam bentuk deskriptif dan akan membuat penghujan secara analitikal ke atas data yang ditemui.

---

<sup>10</sup> Romzi Ationg, Andreas Totu, Chelster S. Pudin, Raymond Majumah, Penggunaan Bahasa Rungus dalam Kalangan Generasi Baru (Remaja) Masyarakat Rungus di Matunggong, Sabah, Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences, 2018

Kajian penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif. Sementara itu kaedah kajian yang digunakan adalah berdasarkan sumber primer dan sekunder. Contoh-contoh sumber primer adalah seperti arkib Sabah yang terdapat rekod-rekod daripada British the Political Company, Akhbar-akhbar. Dalam sumber primer ini termasuklah sumber lisan yang mana pengkaji akan pergi menemubual orang-orang lama di Kawasan kajian pengkaji. Manakala sekunder pula bahan-bahan bercetak seperti buku, artikel, jurnal dan bahan-bahan bacaan lain yang berkaitan dengan tajuk pengkaji.

## **1.8 Skop Kajian**

Skop kajian ialah sejarah masyarakat yang memfokuskan kepada masyarakat Rungus di Kudat. Batasan kajian bermula dari tahun 1881 iaitu semasa pemerintahan BNBCC sehingga Sabah merdeka dan pembentukan Malaysia. Selain itu Perubahan dari segi sosial, ekonomi dan politik dalam kalangan masyarakat Rungus dari tahun 1881 sehingga 1963. Lokasi kajian adalah di kawasan Kudat, Sabah. Kawasan Kudat merupakan kawasan pilihan pengkaji kerana Kudat merupakan kawasan yang majoriti penduduknya didiami oleh kaum Rungus.

## **1.9 Pembahagian Bab**

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji akan membahagikan kandungan kajian kepada lima bab utama. Pembahagian bab ini adalah bagi memudahkan pengkaji untuk menerangkan dan membincangkan tentang sejarah masyarakat Rungus di Kudat. Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan pengkaji daripada melakukan kesalahan dalam penyusunan maklumat. Selain itu melalui pembahagian bab juga turut memudahkan pembaca untuk memahami setiap bab serta kajian dengan lebih dalam dan terperinci seterusnya boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pada masa yang akan datang.

Bab satu membincangkan latar belakang penyelidikan seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian dan pembahagian bab.

Bab dua menjelaskan mengenai sejarah asal usul masyarakat Rungus di Kudat. Dalam bab dua ini aspek yang disentuh mengenai identiti, migrasi dan kekuasaan masyarakat Rungus di Kudat. Manakala di akhir kajian ini, pengkaji akan membuat kesimpulan hasil daripada dapatan kajian pengkaji. Selain itu dalam topik latar belakang masyarakat. Bidang sosial juga dikaitkan di mana aspek yang disentuh adalah sosial masyarakat Rungus seperti Bahasa, Kepercayaan, dan lain-lain lagi mengikut peredaran masa.

Bab Tiga menerangkan hal ehwal kebudayaan dan kepercayaan Masyarakat Rungus di Kudat, dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang adat istiadat turun temurun yang diamalkan oleh masyarakat Rungus, selain itu dalam bab ini akan diperlihatkan pembahagian adat istiadat masyarakat Rungus yang terbahagi kepada beberapa bahagian adat. Kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Rungus turut dibincangkan dalam bab ini. Kesimpulan akan merangkumi segala aspek yang dibincangkan dalam bab ini.

Bab empat pula menerangkan aspek perubahan yang berlaku dalam masyarakat Rungus dalam bidang sosioekonomi. Dalam bab ini, pengkaji cuba menerangkan sejauh manakah tahap bidang ekonomi berubah daripada tarikh yang dipilih. Dalam bidang ekonomi pula pengkaji cuba menerangkan apakah bidang ekonomi utama yang dijalankan oleh masyarakat Rungus dan sehingga tahap apakah bidang ekonomi masyarakat Rungus jalankan sehingga tarikh yang dipilih oleh pengkaji. Pemilihan tarikh bagi kajian sosioekonomi ini adalah penting bagi pengkaji untuk membantu pengkaji mengetahui bagaimana masyarakat Rungus dapat melakukan perubahan dalam bidang sosioekonomi mereka.

Bab lima pula adalah bab yang terakhir yang merupakan penutup pada penulisan. Dalam bab yang terakhir ini, pengkaji akan membuat kesimpulan berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang merangkumi keseluruhan bab.

## **1.10 Kesimpulan**

Dalam menjalankan kajian sejarah masyarakat Rungus di Kudat, Analisis terhadap kajian iaitu sejarah masyarakat Rungus dibincangkan melalui 3 bahagian bermula dengan asal-

usul masyarakat Rungus, adat istiadat dan perubahan dalam sosioekonomi. Dalam pengkajian pengkaji, pengkaji cuba untuk menimbulkan penulisan yang baharu untuk mewujudkan penulisan yang berkaitan dengan sejarah masyarakat Rungus



## BAB 2

### SEJARAH ASAL USUL

#### 2.1 Pengenalan

Istilah masyarakat berasal daripada perkataan Latin '*socius*' yang bermaksud kawan, perkataan masyarakat juga disebut sebagai '*society*' dalam Bahasa Inggeris. Kata "masyarakat" sendiri berakar daripada kata dalam Bahasa Arab '*musyarak*', di mana secara abstrak merupakan sebuah masyarakat iaitu suatu jaringan hubungan-hubungan antara entiti-entiti<sup>11</sup>. Masyarakat adalah sebuah komuniti yang saling bergantung satu sama lain. secara umumnya, istilah masyarakat ini digunakan bagi membawa maksud kelompok manusia yang hidup bersama dalam satu komuniti yang diatur. Selain itu Masyarakat ialah satu kumpulan manusia yang berinteraksi dalam kawasan mahupun sempadan yang sememangnya telah ditetapkan dan dibimbing oleh satu budaya yang boleh dikongsi bersama<sup>12</sup>.

Masyarakat merupakan sebuah komuniti yang wujud secara berkumpulan hal ini kerana masyarakat boleh dikaitkan dengan komuniti interdependent (saling bergantung satu sama lain)<sup>13</sup>. Menurut Syaikh Taqyuddin An-Nabhani, kelompok manusia dapat dikatakan sebagai sebuah masyarakat yang memiliki pemikiran, perasan serta sistem/aturan yang sama<sup>14</sup>. Maksud masyarakat membawa banyak pengertian daripada tokoh-tokoh pemikir lain. Menurut Karl Marx masyarakat adalah suatu struktur yang menderita suatu ketegangan organisasi atau perkembangan akibat adanya pertentangan antara kelompok-kelompok yang terbagi secara ekonomi<sup>15</sup>. Menurut Ralph Linton (1936) masyarakat adalah "kelompok manusia yang telah cukup lama hidup bersama dan saling

<sup>11</sup> Normina, Masyarakat dan Sosialisasi, Ittihad Jurnal Kopertais Wilayah Kalimantan, Vol 12. 2014, hlmn 108

<sup>12</sup> Rahimah Abd.Aziz & Mohamad Yussof Ismail, *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlmn 1

7.

<sup>13</sup> Normina, *Op.cit*, hlmn 108

<sup>14</sup> *ibid*

<sup>15</sup> *ibid*

bekerjasama sehingga dapat mengorganisasikan diri dan meletakkan diri mereka sebagai kesatuan sosial yang mempunyai batas-batas tertentu”<sup>16</sup>.

Berdasarkan definisi-definisi melalui ahli pemikir, dapat dilihat bahawa tiada definisi tunggal tentang masyarakat. Hal ini di kerana sifat manusia yang sering berubah-ubah dari waktu ke waktu. Masyarakat merupakan sebuah kehidupan yang mempunyai sebuah sistem sosial di bagian-bagian yang ada di dalamnya saling berhubung antara satu dengan yang lain<sup>17</sup> dengan bagian-bagian yang ada di dalamnya membawa kepada kesatuan yang padu. Oleh hal yang demikian keberuntungan antara satu dengan yang lain ini membawa kepada satu interaksi penting yang dapat mengembangkan sesebuah masyarakat tersebut. Interaksi ini juga dapat mewujudkan satu kefahaman bersama dan keperluan bersama dalam hidup sebagai masyarakat. Dengan interaksi ini juga dapat menimbulkan pengalaman-pengalaman sosial dan kepercayaan individu kepada individu yang lain di samping dapat mencipta sebuah masyarakat yang harmoni aman dan membina hubungan yang baik. Berikut merupakan gambar sebuah masyarakat yang berinteraksi antara satu sama yang lain.



<sup>16</sup> Shamsul Amri Baharuddin, *Hubungan Etnik di Malaysia: perspektif Teori dan Praktik*, Institut Kajian Etnik (KITA), 2012

<sup>17</sup> Bambang Tejokusumo, Dinamika Masyarakat Sebagai Sumber Belajar Ilmu Pengetahuan Sosial, *Geodukasi*, Vol 3. 2014, hlmn 39

## **Foto 2.1 : Perpaduan dalam Kepelbagaian**

Sumber: Berita Harian (2016)

Gambar di atas menunjukkan interaksi antara individu dalam satu sistem sosial. Interaksi mewujudkan perpaduan dalam kepelbagaian di dalam masyarakat dan kepelbagaian ini boleh mewujudkan saling percaya. Gambar di atas juga dapat membuktikan pengertian masyarakat yang dikemukakan oleh Selo Somardjan mengertikan bahawa masyarakat sebagai orang-orang yang hidup bersama dan menghasilkan kebudayaan.

Menurut cerita rakyat daripada Kudat, nama Kudat berasal daripada satu cerita lucu yang berlaku lebih kurang 100 tahun lalu. Cerita rakyat menerangkan bahawa pada suatu malam semasa penduduk di pinggir laut iaitu kaum Binadan yang sedang nyenyak tidur telah dikejutkan oleh bunyi hon daripada satu kapal bernama "santi" yang menyebabkan penduduk pada ketika itu terkejut dan berlari tidak tentu arah sambil menjerit "takuddat aku" dalam Bahasa Binadan yang bermaksud "Terkejut Aku". Daripada peristiwa lucu tersebut kemudiannya perkataan tersebut di pendekkan menjadi 'Kudat'. perkataan ini dikekalkan sehingga menjadi nama kepada tempat ini.

Selain itu terdapat juga cerita rakyat lain tentang asal-usul nama daerah Kudat, menurut cerita yang diceritakan oleh kaum Rungus, terdapat beberapa orang peniaga Cina yang datang ke Tanjung Berungas yang pada ketika itu, Kudat dipenuhi oleh rumput lalang. Peniaga Cina hairan melihat rumput tersebut tumbuh di merata-rata tempat, lalu peniaga Cina tersebut bertanya kepada penduduk yang ketika itu terdiri daripada kaum Rungus, dan Kaum Rungus tersebut memberitahu bahawa rumput tersebut bernama "Kutad" yang bermaksud "Rumput Lalang" dalam bahasa Rungus. Namun peniaga Cina tersebut tidak dapat menyebut dengan betul perkataan "Kutad" kerana pelat untuk menyebutnya maka peniaga Cina tersebut hanya menyebutnya "Kudat". Maka asal usul nama Kudat berasal daripada perkataan "Kutad", cerita ini adalah berdasarkan daripada cerita rakyat Kudat kaum Rungus. Kedua-dua cerita rakyat ini dalam sejarah Kudat tidak begitu terkenal berbanding dengan Kudat pada masa lalu.

Kudat adalah sebuah bandar di negeri Sabah yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran bagi Bahagian Kudat termasuk bandar-bandar Kudat, Pitas, Kota Marudu dan beberapa pulau pesisir pantai seperti pulau Balambangan dan Pulau Banggi. Daerah